Amalan pengurusan sumber manusia dan prestasi kerja dalam sektor perhotelan di Sabah

ABSTRAK

Amalan pengurusan sumber manusia (PSM) merupakan salah satu amalan pengurusan terbaik yang bukan sahaja diakui oleh para akademik tetapi juga para pengamal dan juga pihak pengurusan di organisasi. Kajian empirikal oleh pengkaji-pengkaji lepas telah membuktikan kepentingan amalan PSM yang berkesan terhadap prestasi pekerja. Amalan PSM yang berkesan juga dapat mengelakkan pelbagai isu yang berkaitan dengan ketidakharmonian di tempat kerja sehingga mencetuskan masalah disiplin, ketidakhadiran ke tempat kerja dan motivasi serta prestasi kerja yang rendah. Kepentingan PSM kepada mana-mana organisasi tidak dapat dinafikan termasuklah di sektor perhotelan. Namun demikian, disebalik sumbangan yang signifikan terhadap kelangsungan organisasi dan pekerja, tinjauan terhadap sorotan literatur menunjukkan terdapat pelbagai isu kajian berkaitan dengan PSM terutamanya di sektor perhotelan. Oleh itu, artikel ini mengupas isu-isu berkaitan dengan amalan PSM serta memberi cadangan berkenaan dengan kajian-kajian yang berpotensi untuk dilakukan pada masa depan terutamanya yang berkaitan dengan amalan PSM dan prestasi kerja khususnya di sektor perhotelan.